

## **Bermula secara suka-suka, kini raih empat angka**

Oleh: Nurul Shafiqah Aziznon, 1180296

KUANTAN: Siapa sangka, bermula dengan menyertai perniagaan secara pesan hantar (dropship) untuk mengisi masa lapang, kini seorang pelajar peringkat ijazah sarjana muda mampu meraih pendapatan empat angka sebulan.

Nur Syakirah Ibrahim, 20, menjelaskan, pada mulanya dia hanya menjadi ejen pesan hantar jenama pakaian Sabella secara suka-suka, namun kini anak keempat daripada enam beradik itu telah menjadi ejen rasmi butik berkenaan di sini.

Menurutnya, pendapatan yang diperolehi daripada jualan membolehkannya membantu meringankan beban kedua ibu bapanya dan menampung perbelanjaan di universiti kerana dua adiknya masih di bangku sekolah.



Syakirah bersama abangnya dalam menguruskan pesanan pelanggan.

Penularan pandemik Covid-19 ketika ini juga tidak mematahkan semangat Nur Syakirah untuk berniaga, malah dia bersikap positif dan mengambil peluang menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan pakaian yang dijualnya.

“Alhamdulillah rezeki semakin bertambah sehingga di luar jangkaan. Saya berpegang dengan satu ayat, kita perlu mempercayai bahawa setiap perkara yang dilakukan, kita boleh berjaya kerana kita sudah berada di separuh jalan untuk sampai ke puncak kejayaan,” katanya.



Syakirah bersama bungkusan pesanan pelanggan sebelum di pos.

Menurut pelanggan setia Sabella, Nadhiratul Amirah, Nur Syakirah yang juga rakan baiknya itu bukan sahaja seorang yang tekun dalam berniaga, malah fokus dalam pelajaran selain tidak mudah berputus asa dalam apa yang dilakukan.

“Saya berharap perniagaan yang di jalankan oleh Syakirah semakin maju dan beliau mampu menjadi tauladan yang baik kepada masyarakat yang sedang menceburi bidang perniagaan ini,” tambah Nadhiratul lagi.